

Jom Sedekah Bantu Rakyat Kelaparan

Oleh: Norfarhana Abdul Roub

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 27 Julai 2021

“Satu suap yang kamu masukkan ke dalam perut orang yang lapar lebih baik daripada membangun seribu masjid jamek, lebih baik daripada orang yang qiamullail dan rukuk, lebih baik daripada berjihad melawan kekafiran dengan pedang yang terhunus dan lebih baik daripada berpuasa sepanjang tahun waktu panas.”

Demikianlah khutbah paling pendek yang pernah disampaikan oleh tokoh Islam, Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani.

Jika diamati kata-kata hikmat tersebut, dapat dilihat sungguh beruntung bagi orang yang memberi makan kepada orang yang lapar.

Hal ini boleh dikaitkan dengan amalan sedekah kepada golongan yang memerlukan seperti fakir miskin. Begitu sesuai untuk kita membahaskan perkara ini ketika isu bendera putih tersebar.

Sedekah atau *sadaqah* berasal dari perkataan Arab yang bermaksud benar. Dari segi syarak pula, sedekah adalah pemberian sesuatu kepada orang yang memerlukan secara sukarela dan ikhlas tanpa dibatasi oleh waktu dan jumlah tertentu dengan tujuan ingin mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Amalah sedekah sinonim dengan sumbangan, derma, bantuan dan pemberian. Sedekah biasanya dilakukan oleh umat Islam ketika bulan Ramadan atau hari Jumaat. Hal ini sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan umat Islam di Malaysia.

Namun realitinya, ada yang salah faham kerana mereka hanya tertarik untuk melakukan amalan sedekah ketika waktu tersebut.

Jika dihayati kelebihan bersedekah pasti ia menjadi amalan lazim bagi mereka yang berkemampuan atau mempunyai rezeki yang lebih.

Saya teruja dengan usaha yang dilakukan oleh sekumpulan mahasiswa di Pulau Pinang baru-baru ini yang menggerakkan persatuan mereka dengan mengagihkan sumbangan bahan makanan mentah.



Edaran pek makanan kepada keluarga mahasiswa di Pulau Pinang.

Ramai anggota masyarakat yang terhimpit dari segi kewangan kesan daripada pandemik. Mereka mempunyai wang yang terhad untuk membeli makanan dan barangan keperluan asas. Oleh yang demikian, penganjuran program edaran pek makanan oleh mahasiswa Pulau Pinang itu sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka.

Menurut Timbalan Presiden Majlis Mahasiswa Anak Pulau Pinang Kebangsaan (MMAPP), Mohamad Ezman Ameer Ahmad Zoon, tujuan program itu adalah untuk membantu keluarga mahasiswa yang terjejas pendapatan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MMAPP juga membuka peluang kepada ahli mereka untuk turut memberi sumbangan wang atau barangan secara seikhlas hati kepada golongan yang memerlukan.

Berdasarkan laporan sebuah akhbar, lebih 800,000 individu dilaporkan kehilangan pekerjaan kesan dari pandemik COVID-19. Ramai rakyat yang menderita akibat kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan.

Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi kemiskinan. Antaranya adalah mewujudkan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) di mana bantuan ini diperuntukkan kepada golongan B40 dan M40 yang tidak bekerja.

Banyak khabar angin yang tersebar di media sosial yang mampu merembeskan air mata dalam kalangan masyarakat. Antaranya isu bayi diberikan minum air beras sebagai ganti susu.

Sewajarnya, kita membantu golongan yang terjejas untuk meneruskan hidup dalam keadaan pandemik yang entah bila akan berakhir.

Kita tidak perlu menjadi jutawan untuk melakukan sedekah. Yakinlah bahawa dengan bersedekah, rezeki akan bertambah seperti firman Allah SWT dalam surah al-Hadid, ayat 18 yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya), dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia.”

Bersedekah sememangnya dapat menghilangkan rasa cinta terhadap harta yang bukannya milik kita.

Segala harta hasil titik peluh yang dikumpul sendiri sebenarnya adalah milik Allah SWT dan Dia boleh menarik atau mengambil semuanya kembali bila-bila masa sahaja. Harta sebenar yang akan kita bawa di akhirat kelak adalah pahala dari amalan bersedekah.